



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
SIDANG AKADEMIK 2019/2020  
SEMESTER 2**

**PPG316 – KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 2**

**TAJUK:**

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

2.3 SALIRAN DI MALAYSIA

**DISEDIAKAN OLEH:**

AINA FATIHAH BINTI GHAZALI (136332)

RAJA MOHAMMAD HAKIMI BIN RAJA KAMARULZAMAN (136491)

**NAMA PENSYARAH:**

PROFESSOR MADYA DR. AZIAH BINTI ISMAIL

**TARIKH HANTAR**

18 MEI 2020

**RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN**

<b>Subjek</b>	Geografi	<b>Hari</b>	Selasa
<b>Tingkatan</b>	1 Beta	<b>Tarikh</b>	12 Mei 2020
<b>Bilangan Murid</b>	30 Orang	<b>Jangka Masa</b>	11:00a.m – 12:00 p.m
<b>Standard Kandungan</b>	2.3 Saliran di Malaysia		
<b>Standard pembelajaran</b>	2.3.1	Membincangkan pandang darat fizikal di setiap peringkat aliran sungai	
	2.3.2	Mengenalpasti nama sungai dan tasik utama di atas peta Malaysia	
<b>Objektif Pembelajaran :</b>			
<b>Pada akhir pembelajaran, murid dapat;</b>			
1.	Menjelaskan pandang darat fizikal yang berlaku di setiap peringkat sungai.		
2.	Mengenalpasti nama sungai dan tasik utama yang ada di Malaysia		
<b>EMK</b>	Kreativiti dan Inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi		
<b>BBB</b>	1. Tayangan video mengenai pandang darat fizikal di peringkat sungai 2. Powerpoint yang digunakan sebagai “game” 3. Gambar peta yang menunjukkan saliran sungai dan tasik utama di Malaysia		
<b>Pengetahuan Sedia Ada</b>	Murid mempunyai pengetahuan mengenai lokasi terletaknya tasik atau sungai di Malaysia iaitu dalam media massa seperti internet, televisyen.		

Langkah	Isi Pembelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Pelajar	Catatan
Set Induksi 4 minit	Pandang darat fizikal di peringkat aliran sungai	Guru menayangkan video berkaitan pandang darat fizikal di peringkat aliran sungai dan menunjukkan gambar peta yang mengandungi nama sungai dan tasik  Guru menyoal murid tentang apa yang terkandung pada	Murid melihat dan meneliti video dan gambar yang ditayangkan dan menjawab soalan yang disoal oleh guru dengan menggunakan pengetahuan yang sedia ada	BBB : Video Gambar peta Nilai : Komunikasi

		video yang ditayangkan dan mengaitkan dengan kehidupan mereka serta topik pembelajaran		
Langkah 1 (Penerangan)  15 minit	Saliran di Malaysia	Guru mengarahkan murid untuk membuka buku teks bagi topik saliran di Malaysia (muka surat 74- Buku Teks Geografi Tingkatan 1)  Guru memberi penerangan kepada murid tentang topik pembelajaran iaitu pandang darat fizikal di peringkat aliran sungai dan menerangkan nama sungai dan tasik yang ada di malaysia berdasarkan peta yang disediakan dan juga buku teks.	Murid membuka buku teks muka surat 74 yang bertajuk saliran di malaysia  Murid memberi tumpuan terhadap penerangan yang diberikan oleh guru dan menumpukan perhatian pada buku teks	BBB :  Buku Teks Gambar Peta  Nilai :  Ketekunan  Kerjasama
Langkah 2 (Aktiviti berkumpulan)  20 minit	Aktiviti berkumpulan abad ke-21 ( Traveling File)	Guru membahagikan murid kepada 4 kumpulan.  Guru memberikan satu fail kepada setiap kumpulan yang di dalamnya terdapat soalan tentang pandang darat fizikal yang berlaku di setiap peringkat sungai dan juga nama sungai dan tasik utama yang ada di Malaysia untuk dibincangkan.  Guru meminta setiap	Setiap murid dibahagikan kepada 4 kumpulan.  Setiap kumpulan diberikan satu fail yang di dalamnya terdapat soalan tentang pandang darat fizikal yang berlaku di setiap peringkat sungai dan juga nama sungai dan tasik utama yang ada di Malaysia untuk dibincangkan dalam kumpulan masing-masing.	BBB :  Traveling File Keratan kertas soalan  Nilai :  Bekerjasama, bertanggungjawab, semangat berpasukan

		<p>ahli dalam kumpulan untuk memberi jawapan terhadap soalan yang diberikan iaitu selepas 10 minit perbincangan.</p> <p>Seterusnya, selepas 10 minit perbincangan, guru meminta keempat-empat kumpulan untuk memasukkan semula soalan dan juga catatan jawapan ke dalam fail dan diedarkan kepada pasukan lain mengikut giliran kumpulan.</p> <p>Selepas itu, guru meminta setiap kumpulan yang mendapat fail yang baru untuk daripada kumpulan lain untuk membaca soalan dan jawapan yang terdapat dalam fail berkenaan.</p> <p>Guru juga meminta murid untuk membincangkan, menambahkan idea jawapan atau membuat penambahbaikan terhadap jawapan yang diberikan oleh kumpulan lain.</p> <p>Guru memberikan</p>	<p>Setiap kumpulan perlu mencatat jawapan terhadap soalan yang diberikan di dalam fail tersebut iaitu dalam masa 10 minit perbincangan.</p> <p>Selepas 10 minit perbincangan, keempat-empat kumpulan perlu memasukkan semula soalan dan juga catatan jawapan ke dalam fail dan mengedarkan fail tersebut kepada pasukan lain mengikut giliran kumpulan.</p> <p>Selepas itu, setiap kumpulan yang mendapat fail yang baru daripada kumpulan lain perlu membaca soalan dan juga jawpaan yang terdapat dalam fail tersebut.</p> <p>Setiap murid dalam kumpulan membincangkan, menambahkan idea dan juga membuat penambahbaikan terhadap jawapan yang diberikan oleh kumpulan lain.</p> <p>Setiap kumpulan memberikan respons atau maklum balas kepada tiga</p>	
--	--	---	---	--

		<p>arahan supaya setiap kumpulan memberikan respons kepada tiga Traveling File yang ditukar dengan kumpulan lain.</p> <p>Guru memberikan arahan supaya soalan-soalan dan jawapan-jawapan berkenaan dibincangkan di dalam kelas secara keseluruhan bersama guru.</p>	<p>Traveling File yang diterima daripada kumpulan lain.</p> <p>Murid membincangkan soalan-soalan dan jawapan-jawapan berkenaan di dalam kelas secara keseluruhan bersama guru.</p>	
Langkah 3 17 minit	Soalan kuiz berkaitan pandang darat fizikal di peringkat aliran sungai serta nama sungai dan tasik di Malaysia	<p>Guru menerangkan arahan kepada murid berkenaan aktiviti yang akan dijalankan iaitu game kuiz.</p> <p>Guru memaparkan powerpoint kuiz menggunakan slide dan memaparkan kepada semua murid di dalam kelas.</p> <p>Guru mengarahkan semua murid untuk mengeluarkan kertas kosong dan menulis jawapan mengikut soalan yang dipaparkan pada kuiz tersebut mengikut masa yang telah ditetapkan.</p> <p>Guru meminta semua murid untuk memikirkan dan berbincang jawapan bagi setiap soalan</p>	<p>Murid mendengar penerangan arahan dari guru</p> <p>Murid melihat paparan powerpoint kuiz yang dipaparkan melalui slide.</p> <p>Semua murid membuat perbincangan dan memikirkan jawapan bagi setiap soalan yang dikemukakan dalam kuiz tersebut mengikut masa yang diberikan.</p> <p>Selepas selesai menjawab 15 soalan yang dipaparkan pada kuiz tersebut dalam masa yang diberikan, murid perlu memberitahu skor yang diperolehi daripada 15 soalan</p>	<p>BBB:</p> <p>Powerpoint yang berbentuk “quiz game”</p> <p>Kertas kosong</p> <p>Nilai :</p> <p>Keyakinan</p> <p>Berdisiplin</p>

		<p>yang dikemukakan dalam kuiz tersebut.</p> <p>Selepas selesai 15 soalan kuiz yang dijawab oleh murid, guru menanyakan skor yang murid perolehi dan mengenal pasti majoriti jawapan pilihan pelajar.</p> <p>Guru akan membuat penambahbaikan terhadap jawapan murid dan memberi sebab dan justifikasi mengapa jawapan yang dipilih oleh murid betul atau salah.</p>	<p>yang dijawab dan juga jawapan yang dipilih semasa menjawab 15 soalan kuiz tersebut.</p> <p>Murid akan mendengar dan mencatat penambahbaikan jawapan diberikan oleh guru.</p>	
Penutup 4 minit	Rumusan	Guru meminta beberapa orang murid untuk membuat rumusan berkaitan dengan tajuk yang telah dipelajari	<p>Beberapa orang murid memberikan rumusan berdasarkan kefahaman mereka</p> <p>Murid yang lain memberikan perhatian</p>	<p>Nilai : Keberanian</p>

◆ Penilaian sendiri:

◆ **Objektif (1), (2) dan (3) dicapai.**

◆ Disiplin kelas

◆ **Interaksi/kerjasama/penyertaan pelajar-pelajar adalah memuaskan**

◆ Apa yang perlu saya cuba ialah

◆ Ulasan Penyelia:

